



BANTU...anggota penyelamat membantu murid sekolah mengharungi banjir.



TERPERANGKAP...kenderaan yang terperangkap dalam kesesakan.

Kajang, Serdang **bah**

Anggota bomba bawa keluar penumpang daripada kereta terperangkap, operasi komuter tergendala

>>Oleh Mohd Firdaus Ibrahim
mfirdaus@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Hujan lebat hampir satu jam menyebabkan beberapa kawasan di Kajang dan Serdang dilanda banjir kilat sedalam semeter menyebabkan lebih 30 kereta

terperangkap.

Antara lokasi yang terdabit ialah kawasan perumahan Jade Hill, Sungai Chua dan Balakong di Kajang manakala di Serdang membabitkan serta Taman Seri Serdang dan Taman Serdang Indah menyebabkan kesesakan teruk.

Difahamkan, akibat banjir

kilat, operasi komuter di Serdang turut tergendala menyebabkan hampir 100 penumpang terpaksa menunggu sehingga keadaan pulih.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul berkata, sehingga jam 9 malam tadi,

pihaknya masih berusaha mengeluarkan beberapa mangsa yang terperangkap dalam kenderaan termasuk seorang wanita warga emas.

Turut dinaiki air ialah dua sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Serdang dan SMK Seri Indah. "Sebanyak 30 kereta di Ta-

man Sri Serdang terperangkap ketika melalui jalan berkenaan menyebabkan anggota bomba terpaksa membawa keluar penumpang.

"Sehingga jam 9 malam tadi, operasi menyelamat masih berjalan dan kami berjaga-jaga terutama kawasan di bandar Kajang," katanya

ketika dihubungi, semalam.

Mohd Sani berkata, pihaknya menerima panggilan mulai jam 6 petang sebelum mengerahkan tiga jentera ke tempat kejadian.

"Keadaan masih terkawal dan air naik kira-kira satu meter menyebabkan berlaku kesesakan teruk," katanya.